

Malaysia, Australia jalin kerjasama ternak kambing

Perjanjian ditandatangani kedua-dua negara akhir minggu ini

Oleh Nurul Farina Nazlan
nfarina@bharian.com.my


KUALA LUMPUR: Malaysia dan Australia akan menjalin kerjasama bagi membangunkan industri ternakan kambing dan perjanjian mengenainya akan ditandatangani kedua-dua negara akhir minggu ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed, berkata perjanjian itu membabitkan semua aspek dalam program pembangunan industri ternakan kambing, termasuk sokongan teknikal dan penyelidikan serta pembangunan.

"Kita amat berminat membangunkan industri ini kerana mampu memajukan sektor ternakan negara. Malaysia berbangga menjalin kerjasama ini dengan Australia kerana negara itu mempunyai pengalaman dan kelebihan dalam bidang ternakan.

"Sebelum ini kita sudah bekerjasama dalam bidang pembekalan daging lembu dan kambing biri-biri, selain terbabit dalam bidang penyelidikan dan pembangunan bagi industri ternakan," katanya selepas merasmikan simposium 'Mengekalkan Industri Agrotani di Malaysia' di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps), semalam.

Simposium itu turut dihadiri Duta Besar Australia ke Malaysia, Penny Williams dan perwakilan dari Malaysia dan Australia



BERKUALITI: Kakitangan Malaysian Agrifood Corporation Berhad, Misrohaya Amer menyusun buah tomato di Maha 2008 di Serdang, semalam.

yang membentangkan kaedah serta usaha bagi mengekalkan serta meningkatkan industri agrotani di negara ini melalui pendekatan kedua-dua negara.

Mustapa berkata, Malaysia bersedia menjadi pengeksport daging kambing pada masa depan dan sedang berusaha menyediakan prasarana lengkap bagi menampung

keperluan domestik kerana mengikut perkiraan, negara hanya mampu menampung 25.6 peratus daripada keseluruhan keperluan pada 2015.